

Pensyarah UniMAP Harumkan Malaysia : Dilantik Naib Presiden WIIPA

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus menempa nama di persada antarabangsa apabila pensyarah kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah dilantik sebagai Naib Presiden World Invention Intellectual Property Association (WIIPA) yang berpangkalan di Taiwan.

Perlantikan Mohd. Mustafa yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Malaysian Invention & Design Society (MINDS) serta Pengasas Kelab Rekacipta Muda ENVEX UniMAP dibuat dalam satu majlis ringkas bersempena *International Inventions Show (INOVA)* yang berlangsung di Croatia pada 13 hingga 16 November 2013 lalu.

Pemilihan itu dibuat selepas badan organisasi sosial tersebut menilai pencapaian yang telah diraih oleh beliau selain sumbangan beliau yang cukup tinggi dalam memartabatkan bidang penyelidikan dan inovasi terutama di kalangan penyelidik muda. Kejayaan ini merupakan kesinambungan pencapaian dan sumbangan terbaik beliau yang sebelum ini tersenarai sebagai tiga calon akhir Anugerah Saintis Muda Negara (ASMN) anjuran Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI).

WIIPA merupakan sebuah organisasi sosial yang tidak bermotifkan keuntungan dan mempunyai keahlian dari 18 buah negara di seluruh dunia antaranya Jepun, Indonesia, Malaysia, Korea, Hong Kong, Iran, Filipina, Arab Saudi, Macau, Thailand, Myanmar dan Vietnam, Croatia, Romania, Poland, Brazil, Kanada dan Amerika Syarikat.

